

04 OCT 1997

Mahathir-Perdagangan

AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA-ARGENTINA DISARAN TEROKA PASARAN BARU

Oleh: K.C. Leong

BUENOS AIRES, 4 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sudah tiba masanya bagi ahli perniagaan Malaysia dan Argentina menyedari realiti baru tentang potensi kedua-dua negara sebagai rakan perdagangan dan perniagaan.

"Sudah sampai masanya bagi usaha bersepadu dan antara rantau dijalankan bagi meneroka peluang-peluang dan pasaran di rantau masing-masing," kata Perdana Menteri pada majlis jamuan rasmi yang diadakan oleh Presiden Carlos Menem meraikan beliau.

Dr Mahathir kini dalam lawatan rasmi tiga hari ke Argentina, negara terakhir yng dilawatnya dalam lawatan ke empat negara Amerika Latin. Perdana Menteri sebelum ini melawat Cuba, Chile dan Uruguay.

Dr Mahathir menarik perhatian kepada "usaha bersifat perintis" yang dijalankan oleh syarikat seperti ICTSI dari Filipina, IMPSA dari Argentina dan syarikat Malaysia, Petronas, dan IJM Corp. Berhad, yang menunjukkan bahawa keuntungan boleh diperolehi dan peluang wujud di kedua-dua rantau serta menggesa ahli perniagaan merebut peluang ini.

Beliau gembira terhadap hakikat bahawa ahli perniagaan Malaysia dan Argentina telah mula membina "jambatan baru" bagi kerjasama ekonomi dan tidak syak lagi ia akan memberi manfaat bersama dalam hubungan.

Ahli perniagaan dari kedua-dua negara sebelumnya bertemu bagi membincangkan kemungkinan melancarkan Majlis Perniagaan Asean-MERCOSUR, idea yang diilhamkan oleh Presiden Menem. MERCOSUR merupakan perkumpulan ekonomi mengandungi negara-negara Amerika Selatan.

Dr Mahathir memberi jaminan kepada ahli perniagaan berkenaan bahawa kerajaan kedua-dua negara memberi iltizam politik yang kuat kepada usaha sektor swasta untuk menjalin kerjasama ekonomi yang rapat.

Beliau menggesa mereka memberi maklumat balas tentang apa yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk membantu mereka meningkatkan perdagangan antara kedua-dua rantau.

Menurut Dr Mahathir, Asean dan MERCOSUR mengeluarkan segala-galanya meliputi kapal terbang jet dan turbin penjana kuasa serta daging dan minyak sayuran.

Beliau mengingatkan ahli perniagaan dari kedua-dua negara yang mempunyai tanggapan bahawa sedikit sahaja keuntungan diperolehi hasil perdagangan dan pelaburan dalam ekonomi Selatan dan bahawa negara-negara Utara selalu mengaut keuntungan dalam perdagangan dengan Selatan.

Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada Argentina dan presidennya kerana berjaya melalui "kecekalan dan keazaman" untuk sekali lagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi selepas mengalami krisis yang dicituskan oleh apa yang dipanggil "kesan tequila" berikutan kejatuhan nilai peso Mexico yang melimpah hingga ke negara-negara Amerika Latin yang lain. --

BERNAMA

KCL FAZ